

15/07/2002

Tindakan Pas bukti kempen sayap Umno berkesan

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Ahad - Tindakan Pas mengganggu dan menghalang Pergerakan Pemuda serta Puteri Umno ketika kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit dan Parlimen Pendang membuktikan kempen sayap Umno itu berkesan.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata tindakan pembangkang itu jelas membuktikan mereka tertekan dengan asakan kempen Barisan Nasional (BN).

"Tekanan yang dialami parti pembangkang itu memberi kelebihan kepada Umno dan BN malah kini wujud perubahan sokongan pengundi di kawasan yang sebelum ini dikuasai pembangkang," katanya.

Beliau mengulas tindakan pembangkang yang memburuk-burukkan pemimpin Umno dan BN ketika kempen pilihan raya kecil Anak Bukit dan Pendang yang sedang berlangsung sekarang.

Kempen pilihan raya dicemari dengan tindakan penyokong pembangkang yang disyaki membuat kelakuan tidak senonoh dengan menyelak kain sehingga menampakkan kemaluan kepada perayu undi Puteri Umno.

Penyokong pembangkang juga dilaporkan membaling batu ke bilik gerakan pilihan raya BN serta menumbuk petugas BN yang sedang bertugas memasang bendera dan poster pilihan raya sehingga menyebabkan kecederaan ringan di pipi kiri.

Hishammuddin berkata, hasil pemerhatian beliau sepanjang di Pendang mendapati sepanduk serta slogan parti pembangkang ditujukan kepada Puteri dan Pemuda Umno.

Katanya, lebih menyedihkan slogan pembangkang itu lebih bersifat serangan peribadi terhadap pemimpin parti.

Beliau berkata, serangan terhadap beliau dan Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman jelas melanggar tata susila Melayu dan agama sehingga mencetuskan kemarahan ahli Umno.

Bagaimanapun, katanya beliau berpuas hati dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Pemuda dan Puteri semasa berkempen pada pilihan raya kecil itu.

Beliau yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, Pemuda dan Puteri Umno mengambil sikap bersabar dengan tekanan dan serangan yang dibuat oleh penyokong parti pembangkang sepanjang kempen pilihan raya itu.

"Kami berpegang teguh kepada pesanan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu petugas berkempen secara tertib dan bersabar dengan cacian dan provokasi parti pembangkang semasa menjalankan tugas demi kepentingan parti," katanya.

Sementara itu, Azalina berkata, beliau terkejut dengan pelbagai tindakan penyokong parti pembangkang untuk menghalang Puteri Umno daripada terus berkempen.

Beliau berkata, tindakan penyokong pembangkang menyelak kain sehingga menampakkan kemaluan ketika Puteri Umno berkempen dari rumah ke rumah jelas membuktikan ia bertentangan dengan adab sopan Melayu serta ajaran Islam.

Katanya, beliau sedih dengan kejadian itu kerana dilakukan orang tua dan ia juga mengejutkan.

"Tingkah laku sumbang oleh pembangkang itu bertentangan dengan dakwaan mereka untuk memperjuangkan agama Islam. Orang tua sepatutnya memberi tunjuk ajar yang baik bukannya membuat perlakuan tidak senonoh.

"Kita tahu parti pembangkang terdesak, tetapi tidak menjangka mereka

akan mengambil tindakan sebegini yang jelas menjijikkan," katanya.